



Ruj. Kami: BPAS/618
Tarikh : 21 September 2012

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

PENGUATKUASAAN SATU BORANG UMA-8 (BON TANGGUNG RUGI) YANG DIMATIKAN SETEM HASIL UNTUK SETIAP NAMA PEMUNYA BAGI PROSES BAYARAN BALIK WANG TAK DITUNTUT YANG DILAKUKAN OLEH ENTITI

Dengan hormatnya saya mohon merujuk kepada perkara di atas.

- Untuk makluman tuan, antara fungsi pejabat Pendaftar Wang Tak Dituntut (WTD) ialah membuat bayaran balik WTD kepada orang awam dan entiti yang terlibat mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Senario yang kerap berlaku semasa entiti membuat serahan WTD antaranya ialah menghantar nama pemunya yang sebenarnya telah dibuat bayaran, entiti membuat bayaran pendahuluan kepada pelanggan dan nama pemunya dan kad pengenalan yang direkodkan dalam borang daftar UMA-3 diletakkan sebagai "tiada/unknown".
- Bagi senario seperti ini, pejabat pendaftar WTD memerlukan pihak tuan agar mengisi borang UMA-8 iaitu borang Bon tanggung rugi sebagai perakuan dari pihak tuan bahawa gantirugi akan dibayar kepada Pejabat Pendaftar WTD bagi semua kos, kerugian dan perbelanjaan sampingan yang lain yang timbul daripada sebarang tindakan yang diambil atau tuntutan yang dibuat oleh mana-mana pihak terhadap pejabat ini akibat dari bayaran yang telah dilakukan kepada pihak tuan.
- Amalan sedia ada yang dipraktikkan ialah, pihak tuan menggunakan (1) borang UMA-8 bagi beberapa bilangan empunya. Namun demikian, setelah perkara ini dikaji, pejabat ini mendapati ia tidak praktikal malah ia mendedahkan Kerajaan kepada implikasi perundangan kelak. Dengan ini pejabat Pendaftar WTD mewajibkan supaya (1) Borang UMA-8 (Bon Tanggung Rugi) dimatikan setem hasil diisi bagi (1) nama pemunya yang dituntut oleh pihak tuan. Pemakaian peraturan ini juga perlu dipanjangkan kepada semua pejabat cawangan tuan yang berada di seluruh Negara.
- Arahan ini berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2012. Bersama-sama ini juga disertakan salinan contoh pengisian borang UMA-8 untuk rujukan Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

'Inovasi Ke Arah Perakaunan Akruan'
BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

(BAHARUD-DIN BIN AHMAD)

Pengarah

Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti

b.p Akauntan Negara Malaysia

s.k **Y. Bhg Datuk Akauntan Negara Malaysia**

Y. Bhg Dato' Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

Y. Brs. TP (Seksyen Pematuhan)